

# Bincang usul raja secara sopan

BH 26 NOV 1990

**KUALA LUMPUR, Ahad —** Usul pengertian Raja Berperlembagaan boleh dibincangkan secara terbuka asalkan ia tidak melanggar undang-undang, khususnya Akta Hasutan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, beliau tidak menentang sebarang perbincangan atau teguran yang dilakukan secara terbuka, asalkan ia mematuhi undang-undang, adat resam dan luns-lunas yang baik.

"Kita sedar undang-undang melarang sebarang perbuatan atau ucapan yang boleh memburukkan, bukan saja institusi raja tetapi kerajaan. Malah, kerajaan juga tidak boleh ditegur jika kita betul-betul mengikut Akta Hasutan.

"Tetapi kita tahu kerajaan ditegur dengan pelbagai fitnah, termasuk perbuatan cuba memburukkan kerajaan dan menimbulkan kebencian rakyat terhadap kerajaan," katanya kepada pemberita selepas menemui ketua, setiausaha, ketua pemuda dan ketua wanita Umno baha-gian, di sini hari ini.

## Adat resam

Menurutnya, jika berdasarkan tafsiran Akta Hasutan, sesiapa yang cuba memburukkan kerajaan atau cuba menimbulkan perasaan benci terhadap kerajaan, mereka dianggap sudah melakukan hasutan.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan boleh mengambil tindakan terhadap golongan yang memburuk-burukkan atau menimbulkan perasaan benci terhadap kerajaan.

"Bagaimanapun, kita tidak mengambil tindakan kerana kita percaya rakyat berhak menyuarakan pendapat terhadap kerajaan. Kalau kita tidak boleh tegur sesuatu institusi apabila berlaku penyelewengan, perbuatan itu akan berterusan.

"Dan apabila penyelewengan diteruskan, keadaan akan menjadi buruk di negara ini. Jadi teguran boleh dilakukan secara terbuka asalkan ia mengikut adat resam dan luns-lunas yang baik," katanya.

Ditanya sama ada Perdana

Menteri mahu menyelesaikan isu Raja Berperlembagaan tanpa dibahaskan dalam Perhimpunan Agung Umno, Datuk Seri Dr Mahathir berkata: "Kita dengar dahulu (perbincangan itu)."

Mengenai laporan akhbar berhubung keinginan Menteri Besar Kelantan, Haji Nik Aziz Nik Mat untuk menemui Datuk Seri Dr Mahathir bagi membincangkan isu Raja Berperlembagaan, beliau berkata, sukar baginya untuk melayan cadangan melalui akhbar.

"Nampaknya Haji Nik Aziz rajin sangat membuat pelawaan dan cadangan melalui akhbar tetapi susahlah bagi saya untuk melayan jemputan yang dibuat melalui akhbar," katanya.

Perdana Menteri berkata, sikap Haji Nik Aziz seolah-olah ingin mencari publisiti dan mendapatkan simpati.

"Haji Nik Aziz seolah-olah mahu menunjukkan dia adalah orang baik sedangkan kita (kerajaan) orang jahat. Ini saya tidak setuju," katanya.

Bagaimanapun, menurutnya, beliau sanggup menimbang jemputan itu jika ia dilakukan mengikut saluran yang betul.